

## **Kecenderungan Guru Pkpg (4SPH) Terhadap Bidang Keusahawanan**

Shahrin Bin Hashim & Norsila Binti Abdul Rahman  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan guru PKPG (4SPH) terhadap bidang keusahawanan. Kajian ini berbentuk deskriptif iaitu menggunakan soal selidik. Seramai 94 orang guru PKPG (4 SPH) yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru di Universiti Teknologi Malaysia yang dipilih sebagai sampel kajian. Faktor kecenderungan yang dikaji meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan. Analisis dapatan kajian dilaksanakan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS 13.0)*. Darjah kebolehpercayaan (Alpha Cronbach) bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.8751. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan adalah pada tahap yang tinggi. Berdasarkan dapatan ini, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan.

**Abstract:** The purpose of this research was to identify the tendencies of PKPG (4SPH) teachers in the entrepreneurship. This research was in form of descriptive where it used questionnaires. 94 PKPG (4SPH) teachers were involved in this research where all of the respondents were studying in *Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG)* at University Technology of Malaysia. The factors of tendency that were studied in this research were the level of knowledge, skills and teachers' attitude towards entrepreneurship. The data collected has been analyzed by *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* version 13.0. The reliability value of Cronbach Alpha in the instrument used was 0.8751. The findings showed that the level of knowledge, skills and teachers' attitude towards entrepreneurship were at high level. Based on the findings, some recommendations have been put forward to improve the level of knowledge, skills and attitude towards the entrepreneurship

*Katakunci:* bidang keusahawanan, kecenderungan guru PKPG (4SPH)

### **Pengenalan**

Usaha-usaha ke arah menjadikan pelajar mendekati dan lebih cenderung terhadap keusahawanan perlu dilaksanakan bersama oleh semua pihak bagi menjadikan hasrat dan impian untuk memenuhi keperluan individu, keluarga, masyarakat dan negara serta cabaran-cabaran terkini hasil daripada pengaruh besar globalisasi, liberalisasi dan K-ekonomi dapat dihadapi dengan mudah. Penglibatan kerajaan dalam pembentukan dan pembangunan usahawan sejak kebelakangan ini tidak dapat dinafikan lagi, malah lebih ketara melalui beberapa pendekatan dan aktiviti- aktivitinya melalui dasar yang digubal dan melalui kegiatan agensi-agensi sokongan. Di Malaysia, bidang keusahawanan sedang rancak diperkembangkan melalui pendidikan, selaras dengan usaha untuk menjadikan bidang ini di antara bidang kerjaya yang diminati. Menurut Timmons dalam Zaharuddin (1995) menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan dan budaya niaga dapat dibangunkan melalui pendidikan. Oleh yang demikian, kerajaan terus berusaha untuk membentuk budaya keusahawanan dalam masyarakat bumiputera.

### **Pernyataan Masalah**

Pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah berupaya mengenal pasti, membentuk dan mempengaruhi pelajar yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan. Ia bukan sekadar melahirkan usahawan malahan untuk membentuk dan mendidik pelajar yang memiliki ciri-

ciri dan nilai-nilai keusahawanan. Nilai pendidikan keusahawanan dipengaruhi oleh kebolehan, kemahiran dan persediaan guru. Guru bukan sahaja berperanan untuk mengajar malahan ia juga bertanggungjawab untuk membentuk keseluruhan pendidikan murid. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan.

### **Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap keusahawanan.
2. Mengenalpasti tahap kemahiran guru dalam bidang keusahawanan.
3. Mengenalpasti sikap guru terhadap keusahawanan.

### **Kepentingan Kajian**

Pendedahan kepada guru di dalam dunia keusahawanan amat penting dalam menyampaikan proses pengajaran. Oleh itu adalah menjadi harapan agar kajian ini boleh memberi sedikit panduan dan maklumat untuk menilai kesediaan guru terhadap bidang keusahawanan dan calon guru yang paling sesuai dipilih untuk mengajar keusahawanan. Di antara kepentingan kajian ini adalah:-

1. Membantu mengenali ciri-ciri guru yang sesuai mengajar dalam bidang keusahawanan.
2. Memberi kesedaran dan perubahan sikap yang positif terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan.
3. Membantu guru mengenalpasti pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam keusahawanan.
4. Membantu pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap pendidikan keusahawanan di masa akan datang.

### **Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan 94 orang guru tahun akhir yang mengikuti Program Khas Pensiwazahan Guru (PKPG) di Universiti Teknologi Malaysia. Guru-guru ini merupakan guru-guru yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (4 SPH) yang bakal diserapkan ke sekolah menengah harian atau Sekolah Menengah Teknik di seluruh Malaysia.

Penyelidikan ini meninjau kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan. Penyelidikan ini merupakan kajian asas di peringkat awal yang sangat memerlukan kajian susulan. Penyelidikan ini dibuat untuk mengenalpasti kecenderungan guru-guru PKPG (4 SPH) dari segi tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru terhadap bidang keusahawanan.

### **Metodologi**

### **Persampelan Kajian**

Sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambilkira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya (Azizi et al., 2006). Proses persampelan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah secara rawak iaitu dengan menggunakan jadual Krejcie R.V dan Morgan D.W dalam Azizi et al.(2006). Beberapa teknik dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat (Azizi et al., 2006). Seramai 94 orang guru PKPG (4SPH) telah dipilih bagi mewakili keseluruhan responden sebanyak 124 orang guru PKPG tahun akhir.

## **Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data adalah mengikut jenis data yang dikumpul iaitu data primer dan data sekunder. Menurut J. Supranto (1985), data primer merupakan data yang dikumpulkan dan diolah sendiri oleh seseorang yang mengkaji tentang sesuatu perkara, manakala data sekunder pula ialah data yang diperoleh dalam bentuk sesuatu yang sudah sedia ada yang dibuat oleh pihak lain. Dalam kajian ini, data primer diperoleh daripada borang soal selidik yang diedarkan manakala data sekunder pula diperoleh daripada buku rujukan, jurnal, kajian lepas, internet dan keratan akhbar. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi tujuan pengumpulan data primer.

## **Instrumen Kajian**

Borang soal selidik merupakan instrumen yang telah digunakan untuk menentukan tahap kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan. Tinjauan dilakukan dengan cara mengedarkan set borang soal selidik yang berkaitan untuk dijawab oleh responden. Menurut Mohd Najib (1999), cadangan jawapan yang dikemukakan akan memudahkan responden menjawab soalan dengan cepat. Soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian. Responden perlu menjawab semua soalan yang telah direkabentuk. Soal selidik kajian ini terdiri daripada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Soal selidik ini mengandungi soalan-soalan berkenaan maklumat diri responden, tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap keusahawanan. Dengan ini, responden perlu mengikuti arahan yang telah disediakan dalam borang soal selidik tersebut untuk membantu penyelidik mendapat hasil yang tepat. Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan.

### **Bahagian A : Profil Guru**

Bahagian ini meliputi item-item yang memperihalkan maklumat diri responden. Terdapat 6 item yang dinyatakan dalam borang soal selidik bagi memperoleh maklumat-maklumat tentang diri responden seperti jantina, umur, tempoh perkhidmatan, keturunan, opsyen utama dalam Diploma Perguruan Malaysia atau Sijil Perguruan dan pengalaman mengajar Kemahiran Hidup. Dengan ini, bentuk soal selidik untuk bahagian ini menggunakan item pelbagai pilihan.

### **Bahagian B: Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru**

Bahagian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai tahap pengetahuan guru PKPG (4 SPH) terhadap keusahawanan, tahap kemahiran guru dalam bidang keusahawanan dan sikap guru terhadap keusahawanan. Tahap pengetahuan guru dibahagikan kepada tiga aspek iaitu konsep keusahawanan, program-program dan kursus yang dianjurkan dan pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Dalam soalan kajian mengenai tahap kemahiran guru, ia dilihat dari segi pelaksanaan aktiviti dan program keusahawanan, pengurusan dan hubung kait dengan mata pelajaran. Untuk mengumpul maklumat mengenai sikap guru terhadap keusahawanan, ia dibahagikan kepada dua aspek iaitu minat guru terhadap keusahawanan dan sikap positif guru terhadap keusahawanan. Terdapat 40 item yang dikemukakan dalam soal selidik.

**Jadual 1:** Bahagian Item Dalam Borang Soal Selidik

Bahagian	Aspek	Bilangan Item
Bahagian A:	Profil Guru	1- 6
Bahagian B:	1. Tahap Pengetahuan Guru i. Konsep Keusahawanan ii. Program-program dan kursus iii. Pendekatan / kaedah P&P  2. Tahap Kemahiran Guru i. Pelaksanaan aktiviti dan program ii. Pengurusan iii. Hubung kait dengan mata pelajaran  3. Sikap Guru i. Minat guru terhadap Keusahawanan ii. Sikap positif terhadap Keusahawanan	1, 2, 3, 4, dan 8 13, 15, 16, 18, dan 19 12, 21, 22, 26, dan 27  6, 7, 10, dan 37 9, 11, 24, 39, dan 40 29, 32, 33, 35, dan 38  14, 17, 20, 25, 30, dan 36 5, 23, 28, 31, dan 34

### Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang responden yang terdiri daripada guru-guru PKPG. Kajian rintis adalah tinjauan yang dilakukan sebelum tinjauan sebenar dijalankan. Dalam kajian ini, penyelidik membuat kajian rintis ke atas soal selidik yang dibentuk. Menurut Zainuddin dan Kya (2003), tujuan kajian rintis adalah untuk memastikan masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh penyelidik semasa menjalankan tinjauan sebenar. Tinjauan ini juga digunakan untuk menguji dan memperbaiki soal selidik yang disediakan. Kajian rintis soal selidik pada tahap ini adalah berguna bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang lain yang masih wujud dalam soal selidik (Azizi et al., 2006).

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, didapati nilai alpha 0.8751. Oleh itu, dalam kajian rintis ini jika kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang mencapai nilai alpha 0.8 hingga 1 boleh dianggap tinggi

(Mohd Najib, 1999). Maka dengan ini, item yang dibina dalam soal selidik boleh dipercayai dan boleh diterima.

## **Keputusan**

### **Analisis Keseluruhan**

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian secara keseluruhan bagi menjawab persoalan kajian 1, persoalan kajian 2 dan persoalan kajian 3. Dapatan kajian dapat dilihat pada jadual 2 yang menunjukkan peratusan, min dan tahap bagi keseluruhan persoalan kajian sebagaimana seperti jadual di bawah.

**Jadual 2:** Analisis Keseluruhan dan Tahap Berdasarkan Persoalan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Peratusan Keseluruhan			Skor Min	Tahap
		S	TP	TS		
1.	<b>Tahap Pengetahuan Guru terhadap Keusahawanan</b>					
	1.1 Konsep Keusahawanan	85.1%	8.5%	6.4%	4.09	Tinggi
	1.2 Program program dan kursus	72.3%	10.6%	17.0 %	3.73	Tinggi
	1.3 Pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran	83.0%	9.6%	7.4%	3.97	Tinggi
	<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>80.1%</b>	<b>9.6%</b>	<b>10.3%</b>	<b>3.93</b>	<b>Tinggi</b>
2.	<b>Tahap Kemahiran Guru dalam Bidang Keusahawanan</b>					
	2.1 Pelaksanaan aktiviti dan program	79.8%	10.6%	9.6%	3.90	Tinggi
	2.2 Pengurusan	73.4%	17.0%	9.6%	3.84	Tinggi
	2.3 Hubungkait dengan mata pelajaran	76.5%	12.8%	10.6%	3.82	Tinggi
	<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>76.6%</b>	<b>13.5%</b>	<b>9.9%</b>	<b>3.85</b>	<b>Tinggi</b>
3.	<b>Sikap Guru terhadap Keusahawanan</b>					
	3.1 Minat guru terhadap keusahawanan	81.9%	8.5%	9.6%	3.93	Tinggi
	3.2 Sikap positif terhadap keusahawanan	88.3%	7.4%	4.3%	4.09	Tinggi
	<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>85.1%</b>	<b>8.0%</b>	<b>6.9%</b>	<b>4.01</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 2 menunjukkan analisis keseluruhan dan tahap bagi persoalan kajian di mana tahap kesediaan guru-guru PKPG (4SPH) terhadap penerapan nilai-nilai keusahawanan dalam pengajaran dapat ditentukan. Berdasarkan jadual tersebut, purata min keseluruhan bagi sikap guru terhadap keusahawanan berada pada tahap tertinggi dengan nilai min sebanyak 4.01. Ini menunjukkan guru-guru PKPG mempunyai minat yang tinggi terhadap keusahawanan dan sentiasa berfikiran positif.

Tahap pengetahuan guru terhadap keusahawanan mencatat nilai min keseluruhan sebanyak 3.93 yang mana ia juga berada pada tahap tinggi. Guru-guru PKPG (4SPH) mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan konsep keusahawanan, program-program dan kursus yang dianjurkan dan pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai di mana aspek yang dinilai ini menjelaskan bahawa guru PKPG cenderung terhadap bidang keusahawanan.

Tahap kemahiran guru dalam bidang keusahawanan juga berada pada tahap tinggi iaitu 3.85. Hasil daptan ini menunjukkan bahawa responden telah mempunyai kemahiran dari segi pelaksanaan aktiviti dan program, pengurusan dan hubungkait dengan mata pelajaran. Aspek-aspek ini diperlukan oleh guru bagi menggalakkan pelajar meminati bidang keusahawanan. Guru yang cenderung terhadap bidang keusahawanan mempunyai kemahiran yang tinggi yang mana secara tidak langsung guru ini dapat menarik minat pelajar untuk menjadi usahawan.

Secara keseluruhannya tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru PKPG (4SPH) adalah tinggi di mana ini menunjukkan bahawa guru-guru PKPG (4SPH) mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan.

## **Perbincangan**

### **Persoalan Kajian 1: Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan**

Bidang Keusahawanan akan membawa dunia kepada penerokaan baru di mana ia berhadapan dengan ketidaktentuan yang menyumbang kepada penciptaan berterusan, yang seterusnya mencorakkan masa hadapan. Pengetahuan yang baik dan mendalam dalam bidang keusahawanan memungkinkan para guru memainkan peranannya dengan lebih efektif dan mampu melahirkan pelajar yang berminat dalam keusahawanan dan seterusnya dapat melahirkan usahawan.

Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan guru terhadap keusahawanan berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan guru PKPG mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Pendedahan awal mengenai pengetahuan perniagaan perlu disemai dan dipupuk di peringkat sekolah. Kenyataan ini berdasarkan Model Miller dalam Yap Poh Moi (2002) yang menjelaskan bahawa pendidikan keusahawanan berlaku pada tahap pendidikan rendah, menengah, lepas menengah serta dewasa dan bergantung pula kepada keperluan, minat, dan motivasi seseorang. Cooper et al. (1985) menyatakan bahawa latar belakang pendidikan mempengaruhi sama ada seseorang itu bersedia atau tidak memulakan sesuatu perniagaan. Ini adalah berbeza dengan dapatan yang diperoleh oleh Hasliza (2002) di mana kajian beliau mendapati walaupun guru-guru pelatih mempunyai pengetahuan tetapi mereka mempunyai keupayaan yang sederhana untuk mengajar keseluruhan topik dalam komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, salah satu ciri utama yang tersirat dalamnya ialah melahirkan murid-murid yang berilmu pengetahuan. Justeru guru haruslah sentiasa belajar untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menjadi pendidik yang professional, cekap dan berkesan.

Ilmu yang dimiliki oleh seseorang guru biasanya tidak mencukupi apatah lagi dengan perkembangan teknologi masa kini yang berkembang dengan pesatnya. Mereka perlu menghadiri kursus tambahan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau pihak swasta untuk mempertingkatkan lagi tahap

pengetahuan mereka. Penyelidik berpendapat pendidikan formal dan tidak formal yang diperoleh guru berjaya memberi guru pengetahuan yang cukup untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam pengajaran. Ini diperoleh daripada item soalan yang dikemukakan bahawa guru-guru ini mengakui pengetahuan keusahawanan yang mereka peroleh di UTM sesuai diaplikasikan di sekolah kelak. Ini ditambah lagi dengan pengetahuan yang tinggi dari segi konsep keusahawanan di mana konsep keusahawanan adalah berkaitan asas-asas keusahawanan seperti maksud usahawan dan ciri-ciri usahawan. Dapatkan menunjukkan guru juga telah menguasai isi kandungan dalam topik keusahawanan.

Dapatkan ini adalah bersamaan dengan dapatan yang diperoleh daripada kajian yang dilakukan oleh Yap Poh Moi (2002) yang menyatakan bahawa guru-guru perdagangan lebih berpengetahuan dalam topik-topik yang sudah disentuh dalam subjek perdagangan dan Kemahiran Hidup. Berdasarkan sukanan pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (2006), topik keusahawanan adalah meliputi pengetahuan serta amalan perniagaan dan keusahawanan yang melibatkan pengurusan dan etika perniagaan, dokumen perniagaan, menyimpan rekod, pengeluaran, konsumerisme, pemasaran dan simpan kira. Tujuan bidang ini adalah untuk memupuk nilai dan sikap seperti berdikari, yakin diri, inisiatif dan berdaya saing. Murid didekah secara tidak langsung tentang kaedah mencari dan menggunakan peluang perniagaan dengan bijaksana. Bagi tajuk keusahawanan, ia meliputi konsep keusahawanan, ciri utama usahawan, usahawan dalam negeri dan peranan kerajaan dalam membantu usahawan.

Menurut Nor Aishah (2002), pendidikan keusahawanan tidak semestinya melibatkan bidang perniagaan sahaja, sebaliknya ia boleh memuatkan suatu konsep baru untuk melahirkan insan yang kreatif, inovatif dan berwawasan dalam apa jua keadaan. Bidang keusahawanan sangat penting untuk negara di mana kemajuan sesebuah negara adalah bergantung kepadaannya. Dapatkan menunjukkan guru tahu kepentingan keusahawanan untuk negara. Bidang keusahawanan telah menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Adalah penting bagi seorang guru tahu keadaan ekonomi negara dan bergerak seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Guru yang cenderung terhadap bidang keusahawanan dapat memberi mereka kesedaran dan dorongan kepada pelajarnya agar mereka mencebur ke bidang keusahawanan. Ini adalah bertepatan dengan Laporan Rancangan Malaysia kesembilan iaitu tumpuan yang lebih besar akan diberikan kepada usaha membangunkan modal insan yang holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh. Oleh itu, guru perlu berusaha menambah pengetahuannya bagi menjadikan 2020 menjadi kenyataan.

Kementerian Usahawan banyak menganjurkan kursus-kursus kepada mereka yang berminat dalam keusahawanan. Pelbagai jenis program disusun dan diatur untuk memenuhi kehendak negara bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai modal insan yang tinggi. Ini diakui oleh guru-guru PKPG bahawa mereka pernah belajar keusahawanan. Seorang guru perlu sentiasa berusaha untuk memajukan dirinya sendiri dengan menambah pengetahuan dalam bidang yang diceburi. Guru perlu sentiasa peka dan mengikuti perkembangan negara terutamanya dari segi ekonomi.

Perbincangan perlu dilakukan bagi menentukan pendekatan dan kaedah yang sesuai untuk bidang keusahawanan. Sebagai seorang guru, ilmu yang diperoleh sewaktu belajar dahulu perlu diaplikasikan dengan baik yang mungkin ketika proses pengajaran berlaku. Setiap tingkah laku guru boleh mempengaruhi pelajar dan seterusnya menjadikan pelajar berminat dengan pengajaran dan akhirnya berminat dengan bidang yang diceburi.

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan tahap kecenderungan guru-guru PKPG (4SPH) dari segi tahap pengetahuan terhadap bidang keusahawanan adalah di tahap yang baik dan tinggi. Namun begitu masih ada guru yang kurang cenderung terhadap bidang keusahawanan. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan terhadap bidang keusahawanan. Sungguhpun begitu, responden masih mempunyai inisiatif diri untuk meningkatkan pengetahuan mereka dari masa ke semasa supaya pengetahuan mereka adalah seiring dengan perkembangan pendidikan negara.

## **Persoalan Kajian 2: Kemahiran Guru Dalam Bidang Keusahawanan**

Selain mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang yang diajar, seorang guru juga perlu memiliki pelbagai kemahiran yang dapat membantu mereka dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang keusahawanan memerlukan penglibatan daripada pihak sekolah, para guru, ibu bapa dan pelajar. Ia dijalankan dalam bentuk amali di mana pelajar diberi peluang untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan dunia perniagaan. Dengan ini guru dan pelajar dapat melahirkan daya kreativiti dan seterusnya menimbulkan minat dikalangan pelajar. Selaras itu, keupayaan guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk praktikal memerlukan guru tersebut mempunyai kemahiran terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan, pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program. Guru juga perlu bijak menghubungkait bidang keusahawanan dalam pengajaran yang disampaikan. Oleh itu, guru mestilah mempunyai kecekapan dari segi teknikal dan pedagogi.

Hasil kajian ini mendapati bahawa guru mempunyai kecenderungan yang tinggi dari segi kemahiran. Kajian mendapati guru PKPG cenderung dari segi pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program yang melibatkan bidang keusahawanan. Begitu juga dengan kajian yang dilakukannya oleh Mohd Bakari (1994) terhadap 24 orang guru di 6 buah sekolah menengah di Daerah Johor Bahru di mana beliau mendapati kekurangan kemahiran guru dalam pelaksanaan Kemahiran Hidup Bersepadu akan menjaskan proses pengajaran dan mengurangkan keyakinan pelajar terhadap gurunya.

Kajian mendapati dalam pelaksanaan aktiviti dan program keusahawanan, guru bijak menguruskan masa dan kewangan serta komited dengan kerja mereka. Sebilangan besar guru juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti berbentuk perniagaan. Ini membuktikan bahawa dalam diri guru itu sendiri telah ada kemahiran dalam bidang keusahawanan. Kemahiran-kemahiran ini diperlukan dalam bidang keusahawanan di mana ia boleh dijalankan sewaktu mengadakan aktiviti-aktiviti dan program keusahawanan. Menurut Ab Aziz (2000), kemahiran teknikal melibatkan keupayaan menggunakan pengetahuan yang spesifik dan teknik dalam sesuatu bidang seperti kejuruteraan, kewangan, perakaunan dan pemasaran. Pengetahuan-pengetahuan ini diperoleh melalui pendidikan formal yang dilalui dan melalui pengalaman. Antara aktiviti keusahawanan yang boleh dijalankan di sekolah adalah Program Pembudayaan Keusahawanan yang dilaksanakan melalui kurikulum sekolah. Manakala melalui aktiviti ko-kurikulum pula, aktiviti seperti Program Usahawan Muda, Program Tunas Bistari dan Koperasi telah diadakan. Melalui penglibatan pelajar, kecenderungan terhadap bidang keusahawanan boleh diluaskan meliputi diri pelajar serta diri guru itu sendiri. Oleh itu, guru perlu mengukuhkan kemahiran dalam keusahawanan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti keusahawanan yang boleh dianjurkan selain daripada aktiviti yang dinyatakan.

Dari segi pengurusan, didapati bahawa guru telah memiliki kemahiran dalam pengurusan. Guru perlu menjadi seorang guru yang kreatif dan inovatif dan memiliki kecekapan dalam pengiraan dan penggunaan komputer di mana dapatan kajian mendapati kemahiran yang diperlukan dalam pengurusan adalah tinggi. Perkembangan teknologi maklumat telah dapat memudahkan manusia berkomunikasi dalam mengurus, menyimpan dan menyebar maklumat dengan lebih canggih sama ada dalam bentuk data teks, imej atau suara. Kemahiran ini dapat membantu guru dalam mengembangkan bidang keusahawanan dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program dalam keusahawanan. Ini diakui oleh Ismail (2004) di dalam Cabaran Pembangunan Semasa Negara di mana beliau menyatakan pasaran tenaga kerja perlulah dilengkapi dengan kumpulan manusia termasuk pelajar yang memperoleh ilmu yang sesuai dengan kehendak industri yang memerlukan kemahiran, pengetahuan IT dan kreativiti yang tinggi dalam sesuatu bidang di samping kebolehan berkomunikasi.

Oleh itu, penyelidik berpendapat guru yang memiliki kemahiran dalam pengurusan, penggunaan komputer dan cekap dalam pengiraan serta seorang yang kreatif dan inovatif dapat melahirkan pelajar

yang cenderung terhadap bidang keusahawanan dengan memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam keusahawanan di mana pelajar ini cenderung ke arah menjadi seorang usahawan yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Menurut Mohd Asri (1997), proses pengurusan perniagaan ialah satu kaedah atau cara bersistem yang memerlukan kemahiran kemanusiaan dan juga kemahiran dari segi konsep untuk menguruskan perniagaan yang dijalankan.

Seorang guru perlu memiliki kemahiran untuk menghubungkaitkan pengajaran mereka dengan bidang keusahawanan. Penyelidik berpendapat kecenderungan ke arah bidang keusahawanan perlu dimiliki oleh guru itu sendiri terlebih sebelum disampaikan kepada orang lain. Ini kerana guru adalah contoh kepada pelajarnya. Pendapat ini disokong oleh Rahman (2001) dalam kajiannya yang mencadangkan agar perubahan sikap positif guru di dalam melaksanakan proses pengajaran bermula daripada diri mereka sendiri di samping sokongan daripada pihak-pihak aturan seperti pengetua, PPD dan JPN bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berlaku sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dengan itu, penyelidik berpendapat bahawa guru yang memiliki kecenderungan terhadap bidang keusahawanan dapat menghubungkaitkan ilmu keusahawanan yang dimilikinya kepada pelajar-pelajarnya dan menjadikan pelajarnya berminat dengan pengajaran yang disampaikan dan seterusnya menarik perhatian pelajarnya dalam bidang keusahawanan. Hasil dapatan menunjukkan responden yang memiliki pengalaman yang diperoleh daripada kehidupan sehari-hari dan ketika menuntut ilmu satu ketika dahulu dapat membolehkan mereka mengaitkan bidang keusahawanan dalam pengajaran. Ini ditambah dengan keyakinan terhadap kemahiran yang dimiliki dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti keusahawanan dalam proses pengajaran yang mana ia juga turut membantu guru menghubungkaitkan bidang keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan tahap kemahiran guru-guru PKPG (4SPH) terhadap bidang keusahawanan adalah di tahap yang baik dan tinggi. Namun begitu masih ada guru yang masih kurang memiliki kecenderungan terhadap bidang keusahawanan. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya keyakinan terhadap diri. Sungguhpun begitu, responden masih mempunyai inisiatif diri untuk meningkatkan kemahiran mereka dari semasa ke semasa supaya mereka tidak menghadapi masalah untuk menjalankan pelbagai aktiviti keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kelak.

### **Persoalan Kajian 3: Sikap Guru Terhadap Keusahawanan**

Sikap adalah satu unsur yang banyak menentukan kejayaan seseorang individu dalam kerja yang dilakukannya. Guru yang tekun dan mempunyai sikap yang baik akan berjaya dalam kerjayanya. Sikap yang positif akan menimbulkan minat untuk individu itu mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang sesuatu. Ini kerana sikap memainkan peranan dalam menimbulkan minat seseorang.

Dalam kajian ini, sikap yang ditunjukkan oleh guru PKPG terhadap keusahawanan adalah paling tinggi. Ini adalah berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Yap Poh Moi (2002) di dalam kajiannya ke atas 80 orang guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan, didapati sikap guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan adalah sederhana positif di mana sikap mereka sebagai satu sumber penjana motivasi kepada pelajar-pelajar masih jauh.

Minat memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesuatu pembelajaran. Menurut Crow & Crow (1980) menyatakan minat ini merupakan daya penggerak yang mendorong kita supaya memberi perhatian kepada seseorang, benda dan kegiatan. Minat berkait rapat dengan desakan, gerakbalas emosi dan hasil pengamatan terhadap alam sekitar. Tambahnya lagi jika seseorang itu berminat walaupun mempunyai kebolehan yang sederhana, mereka selalunya boleh mengembangkan minat yang kuat dan seterusnya berusaha menguasainya dengan gigih sehingga membawa kepada pencapaian yang tinggi.

Dalam kajian ini menunjukkan guru-guru mempunyai minat yang tinggi terhadap keusahawanan. Ini menunjukkan guru memiliki minat yang tinggi dalam bidang keusahawanan yang membuktikan pernyataan bahawa mereka berminat mengajar keusahawanan dan sanggup bekerja lebih untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keusahawanan di sekolah nanti. Ini ditambah pula dengan kesungguhan mereka dalam menyampaikan pengajaran keusahawanan dan kerelaan guru untuk mengikuti kursus-kursus keusahawanan yang ditawarkan kepada mereka. Dengan ini menunjukkan bahawa guru suka kepada aktiviti-aktiviti luar dan sentiasa berusaha untuk memajukan diri mereka dalam bidang keusahawanan. Minat yang dimiliki oleh guru inilah yang membolehkan bidang keusahawanan terus diterokai dan berkembang kerana guru sentiasa berusaha untuk menarik minat pelajar-pelajarnya. Ini adalah bersamaan dengan kajian Hasliza (2002) yang menunjukkan bakal-bakal guru KPLI mempunyai minat yang tinggi untuk mengajar komponen perdagangan dan keusahawanan. Mereka juga yakin untuk mengajar komponen ini apabila mengajar di sekolah kelak.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Syanisah (2003) terhadap 81 orang pelajar tahun akhir Universiti Teknologi Malaysia di mana hasil analisis mendapati hampir semua guru mempunyai keinginan untuk menghadiri latihan dan sanggup meluangkan masa untuk terlibat dalam kursus atau seminar keusahawanan. Menurut Khaairuddin (1996), seseorang yang meminati sesuatu bidang akan mempunyai maklumat yang lebih tentang bidang tersebut. Majoriti guru terdedah dengan informasi yang berkaitan dengan keusahawanan dan dunia perniagaan. Ini menunjukkan tahap pendedahan guru terhadap bidang keusahawanan adalah tinggi dan kaedah ini perlu dimanfaatkan untuk melahirkan minat mereka dalam bidang keusahawanan. Penyataan ini disokong oleh Musa (1992) di mana beliau menyatakan bahawa minat dalaman yang lahir dalam diri guru merupakan suatu penggerak yang baik dalam pembelajaran dan mungkin dapat diserapkan di dalam aktiviti-aktiviti lain atau dalam apa jua cara yang dikehendaki.

Sikap positif yang ditunjukkan oleh guru bukan sahaja memberi kelebihan kepada pelajar malahan kepada guru sendiri terutamanya apabila berkomunikasi dengan pelajar. Sikap yang positif ini menunjukkan guru memahami tugas sebagai seorang pendidik. Hasrat kerajaan untuk melihat pelajar mendapat pendidikan yang terbaik akan tercapai dengan cadangan guru yang berkualiti dan bersikap ingin maju. Kenyataan ini disokong oleh Esah (2003), guru hendaklah peka terhadap perubahan kurikulum dan kehendak masyarakat serta negara. Dengan ini guru perlu sentiasa mengikuti perkembangan ilmu dan mengemaskini bahan serta kemahiran yang perlu diajar.

Melalui kajian ini mendapati guru PKPG sentiasa berfikiran positif. Selain itu, guru juga mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam kehidupan dan berasa bangga sekiranya menjadi seorang guru keusahawanan. Guru juga percaya pada kemampuan diri sendiri untuk mengajar keusahawanan dan percaya bahawa usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan dan latihan di mana tahap kepercayaan guru adalah tinggi. Ini adalah bersamaan dengan hasil analisis kajian Syanisah (2003) yang menunjukkan bahawa pelajar UTM berfikiran positif dan mempunyai ciri-ciri yang perlu ada pada seorang usahawan. Senario ini menunjukkan hampir keseluruhan pelajar mempunyai potensi untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Malah tidak terdapat seorang pun pelajar yang memandang rendah terhadap kebolehan diri sendiri. Mereka menyedari kelebihan yang ada pada diri mereka dan ia perlu dibangunkan supaya kebolehan dan kelebihan yang ada tidak disia-siakan. Sikap positif guru terhadap keusahawanan boleh mempengaruhi minat pelajar dalam bidang keusahawanan dan seterusnya ia menggalakkan pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Minat yang tinggi dan mendalam terhadap sesuatu boleh merangsang untuk bekerja keras dan membuatkannya sedar akan bergunanya sesuatu perkara yang sedang mereka pelajari. Selain itu, satu motif yang paling efektif di dalam pembelajaran adalah terbit minat secara langsung. Apabila guru-guru meminati bidang keusahawanan ia dapat mempengaruhi dan menyedarkan mereka terhadap kebaikan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Sifat keyakinan diri membolehkan usahawan terus memupuk minatnya


yang berterusan dalam perniagaannya. Adalah yang lebih penting, guru percaya bahawa usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan dan latihan. Menurut Rozaimy (2005), semua orang berpotensi untuk menjadi usahawan tanpa mengira umur, kaum, jantina, warna dan kerakyatan. Usahawan bukan diturunkan secara genetik (keturunan); kemahiran boleh dipelajari. Setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Oleh itu, guru yang cenderung dengan bidang keusahawanan berupaya membentuk pelajarnya mencebur ke bidang keusahawanan di mana ia dilakukan melalui kurikulum atau ko-kurikulum.

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan kecenderungan guru yang dilihat dari segi sikap guru terhadap keusahawanan berada di tahap yang tinggi yang mana dengan ini membuktikan bahawa guru-guru PKPG cenderung dalam bidang keusahawanan yang merupakan bidang yang penting untuk perkembangan negara. Ini dapat dilihat dengan jelas bagi aspek yang berkaitan dengan sikap positif terhadap keusahawanan dan juga minat guru terhadap keusahawanan. Guru PKPG didapati mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Dengan adanya kecenderungan keusahawanan ini, guru mampu untuk mengajar pendidikan keusahawanan dan membantu negara dalam melahirkan sumber manusia yang memiliki modal insan yang tinggi.

### Rumusan

Secara keseluruhannya, guru-guru PKPG (4SPH) mempunyai tahap kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Rumusan bagi dapatan kajian dapat dilihat pada rajah 1, 2, 3 dan 4 yang menunjukkan analisis keseluruhan bagi setiap item soalan berdasarkan nilai min yang menjawab kepada persoalan kajian.

Rajah 1 menunjukkan analisis keseluruhan bagi tahap pengetahuan guru terhadap keusahawanan. Sebanyak 15 item soalan telah dikemukakan seperti rajah di bawah.




**Rajah 1:** Analisis Keseluruhan Item Soalan Bagi Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Keusahawanan

Guru telah menguasai pengetahuan dalam keusahawanan. Pengetahuan guru terhadap keusahawanan dinilai dari segi konsep keusahawanan, program-program dan kursus yang dianjurkan dan pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan rajah 1, nilai min tertinggi terletak pada item 4 iaitu saya tahu kepentingan keusahawanan untuk negara. Ini membuktikan guru PKPG mempunyai pengetahuan yang tinggi dan mendalam terhadap keusahawanan. Sungguhpun mereka kurang berbincang dengan rakan-rakan berkaitan ekonomi negara tetapi pengetahuan berkaitan keusahawanan diperoleh hasil daripada pengetahuan sedia ada guru yang pernah belajar keusahawanan dan melalui pembacaan juga kesedaran guru sendiri untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang maju dengan perkembangan yang pesat di bidang keusahawanan.

Nilai min yang diperoleh bagi tahap pengetahuan guru berada ditahap tinggi. Ini menunjukkan guru PKPG mempunyai kecenderungan terhadap bidang keusahawanan dari segi pengetahuan. Pengetahuan yang mendalam berkaitan keusahawanan adalah penting sebelum agar guru dapat mengajar pendidikan keusahawanan kepada pelajar dan seterusnya menimbulkan minat untuk menjadi seorang usahawan.

Rajah 2 menunjukkan analisis keseluruhan bagi tahap kemahiran guru terhadap keusahawanan. Sebanyak 14 item soalan telah dikemukakan seperti rajah di bawah.



**Rajah 2:** Analisis Keseluruhan Item Soalan Bagi Tahap Kemahiran Guru Dalam Bidang Keusahawanan


Hasil analisis menunjukkan tahap kemahiran guru dalam bidang keusahawanan juga berada di tahap yang tinggi. Berdasarkan rajah 5.2 menunjukkan item 10 memperoleh nilai min tertinggi di mana ia membuktikan bahawa guru PKPG komited dengan kerja mereka. Ini menunjukkan dalam diri guru telah ada nilai keusahawanan iaitu menghormati tugas di mana ia menunjukkan guru cenderung dalam bidang keusahawanan.

Menerusi program-program keusahawanan, guru berpeluang mempertingkatkan potensi mereka dalam bidang keusahawanan. Melakukan aktiviti-aktiviti keusahawanan di dalam situasi yang sebenar dapat

membantu guru memperkembang pengetahuan, mempertingkatkan kemahiran dan menambahkan keyakinan diri yang diperlukan oleh mereka. Aktiviti-aktiviti dan program-program keusahawanan merupakan saluran untuk mempertingkatkan jumlah usahawan masa depan dengan mendidik pelajar-pelajar sekolah menengah ke arah menjadi usahawan yang berjaya.

Guru-guru juga telah didedahkan dengan kemahiran pengurusan di mana dengan adanya kemahiran ini, guru dapat menghubungkaitkan aspek keusahawanan dalam pengajaran mereka. Menerusi dapatan menunjukkan guru PKPG memiliki kemahiran dalam pengurusan dan seorang yang cekap mengira dan menggunakan komputer. Guru PKPG juga seorang yang inovatif dan kreatif yang mana ciri-ciri ini amat diperlukan dalam diri seorang guru untuk menarik minat pelajar dalam bidang keusahawanan.

Rajah 3 menunjukkan analisis keseluruhan bagi sikap guru terhadap keusahawanan. Sebanyak 11 item soalan telah dikemukakan seperti rajah di bawah.




**Rajah 3:** Analisis Keseluruhan Item Soalan Bagi Sikap Guru Terhadap Keusahawanan

Sikap guru terhadap keusahawanan adalah bergantung kepada minat guru dan sikap positif. Berdasarkan rajah 5.3 mendapati item 23 iaitu saya sentiasa berfikiran positif menunjukkan sikap guru yang jelas berminat terhadap bidang keusahawanan. Guru PKPG bersetuju bahawa mereka suka kepada aktiviti-aktiviti luar dan sanggup bekerja lebih masa untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keusahawanan.

Mereka juga berminat mengajar keusahawanan dan bersedia mengikuti kursus-kursus keusahawanan yang dianjurkan. Ini menunjukkan guru PKPG sentiasa berusaha untuk memajukan diri mereka. Mereka juga akan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pengajaran keusahawanan dan berasa bangga sekiranya menjadi guru keusahawanan. Dengan kesungguhan dan amalan nilai-nilai keusahawanan dapat mempengaruhi minat terhadap keusahawanan. Minat yang tinggi dan mendalam terhadap sesuatu boleh merangsang kita untuk bekerja keras dan memberi kesedaran akan bergunanya sesuatu perkara yang sedang dipelajari.

Rajah 4 menunjukkan analisis keseluruhan bagi tahap kecenderungan guru terhadap bidang keusahawanan berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap keusahawanan.



**Rajah 4:** Analisis Keseluruhan Tahap Kecenderungan guru Berdasarkan Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik. Perolehan kajian mendapati ke semua aspek yang dikaji mendapat persepsi yang positif dan tinggi di kalangan guru-guru PKPG. Di antara tiga persoalan kajian yang dikemukakan, didapati persoalan kajian tiga iaitu sikap guru terhadap keusahawanan berada pada tahap yang paling tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru PKPG memiliki kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan di mana ciri seperti inovatif, kebebasan atau hak milik, prestasi luar biasa dan nilai serta menghormati tugas telah ada pada diri guru yang mana ia juga perlu dipupuk ke dalam diri pelajar pula. Dengan ini pelajar juga akan memiliki minat yang sama dalam bidang keusahawanan.

Setelah menjalankan kajian terhadap guru-guru Program Khas Penswazahan Guru (PKPG) tahun akhir di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, penyelidik mendapati bahawa guru PKPG telah mempunyai tahap kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Sungguhpun begitu, guru perlu bijak menghubungkaitkan aspek keusahawanan dengan mata pelajaran yang diajar dan apa yang lebih penting aspek keusahawanan yang diselitkan disedari oleh pelajar sendiri. Langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk memastikan bidang keusahawanan dapat diterima oleh pelajar sehingga menimbulkan minat yang mendalam di dalam diri pelajar terhadap bidang keusahawanan dan seterusnya melahirkan seorang usahawan berjaya dalam kehidupan.

## Rujukan

Ab. Aziz Yusof, Zakaria Yusof (2000). *Usahawan dan Keusahawanan Satu Penilaian*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Perubahan Paradigma Nilai. Ke arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000). *Pengajaran dan Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan dan Ekonomi Asas*. Serdang: Penerbit UPM.
- Ashmore, C.M. (1989). The Power of Entrepreneurial Vision. *Vocation Educational Education Journal*. 64(8), 28-29.
- Asmak Haji Ali dan Tuan Haji Che Hashim Mat Said (2001). *Kertas Seminar 5: Kecemerlangan Pendidikan: Satu Anjakan Paradigma Dalam Melahirkan Jatidiri Pelajar*. Institut Aminuddin Baki: Kementerian Pendidikan Malaysia Dengan Kerjasama Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Baharom Nahusin (1999, Ogos 29). *Banyak Pelajar Melayu Lupa Tanggungjawab*. Utusan Malaysia, P. 7.
- Boon Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998). *Psikologi II (Semester II)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bruno, Frank J. (1987). *Dictionary Of Key Word In Psychology*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Chepman, E.N. (1990). Attitude: *Your Most Priceless Posseccion*. Ed ke-2. California: Crisp Publication.
- Cooper, A (1985). *The Entrepreneurship: Starting A New Business*. Business Education Forum.
- Crow dan Crow (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 290-294.
- Ee Ah Meng (1998). *Pedagogi II Pelaksanaan Pengajaran*. Cetakan Ketiga, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Einnis, C., Cothron,D dan Loftus, S (1997). The Influence of Teacher' Education Belief on their Knowledge Organization. *Journal of Research and Development in Education*. 30 (2), Winter, PP. 74-86.
- Esah Sulaiman (2002). *Profesionalisme Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. Pg134.
- Ghaith, G dan Yaghi,H (1997). Relationship Among Experience, teacher efficacy, and Attitudes Toward the Implementation of Instructional Innovation. *Teaching of the Int Ent 93 Conferenc*, P. 3-17.
- Ismail Hj. Mohd Rashid (2004). *Cabarani Pembangunan Semasa Negara*. Selangor: UPM.

Hasliza Zaman (2002). *Persepsi Guru-guru KPLI yang Mengikuti Kursus Diploma Pendidikan Kemahiran Hidup di Maktab Perguruan tentang Kesediaan Mereka Mengajar Kemahiran Hidup (Teras)*. Projek Sarjana Muda, UTM, Skudai.